

Headline	Mansuh amalan penamaan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	19	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	682 cm ²
Journalist	DATUK ZAINUL RIJAL ABU BAKAR	AdValue	RM 13,603
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,809



Mansuh amalan penamaan

Amalan penamaan ini hanya mengundang kekeliruan serta polemik yang lebih besar kepada umat Islam

Oleh **DATUK ZAINUL RIJAL ABU BAKAR**

S ESETENGAH agensi dan badan berkanun di Malaysia mengamalkan sistem penamaan bagi memudahkan pengeluaran dana apabila berlaku kematian. Institusi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Tabung Haji, koperasi dan syarikat insurans dan takaful menyifatkan penama sebagai orang yang diberi kuasa mengeluarkan wang si mati tanpa perlu melalui proses pembahagian mengikut undang-undang pembahagian harta pusaka.

Pada 19 September lepas penulis telah dijemput sebagai salah seorang panel forum bagi membincangkan amalan penamaan ini di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). Forum di bawah pengarah Nik Ahmad Marzuki Nik Muhammad ini turut menampilkan Datuk Muhammad Abdullah (Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia), Prof. Madya Ridzuan Awang (UKM) dan Nor Hazqiyah (KWSP).

Penulis amat tertarik dengan pembentangan yang dibuat oleh Datuk Muhammad Abdullah yang banyak menyorot sejarah dan autoriti berkaitan dengan amalan penamaan bagi orang Islam ini. Seksyen 23 Akta Undang-Undang Sivil 1956 memberi peruntukan berkaitan penamaan di dalam insurans. Peruntukan yang berakar umbi daripada Akta Harta Perempuan Berkahwin (England) 1882 sebenarnya dibuat untuk orang bukan Islam.

Bagi orang Islam terdapat pelbagai kekeliruan terhadap amalan penamaan ini. Ramai yang beranggapan bahawa orang Islam sama seperti orang bukan Islam, apabila dinamakan beliau berhak mendapat harta yang beliau dinamakan apabila penama meninggal dunia. Ini adalah anggapan yang salah dan bertentangan dengan Hukum Syarak.

Telah timbul banyak pertelingkahan dan salah tafsiran malah tidak keterlaluan jika dikatakan salahguna terhadap sistem dan amalan penamaan bagi orang Islam di Malaysia ini.

Sebahagian daripada orang Islam masih beranggapan orang yang dinamakan berhak mendapat harta si mati walaupun sebenarnya beliau hanyalah dinamakan sebagai pentadbir sahaja sejajar dengan keputusan Persidangan Majlis Raja Raja ke 96 pada tahun 1973 yang memutuskan orang yang dinamakan hanyalah sebagai wasi sahaja.

Akibatnya terjadilah insiden menyorok harta, menyembunyikan fakta dan

pelbagai alasan diberikan untuk tidak melupuskan harta kepada orang yang berhak menerima iaitu ahli waris.

Oleh hal yang demikian terdapat desakan daripada pelbagai pihak untuk memansuhkan amalan penamaan ini bagi orang Islam kerana bercanggah dengan hukum Syarak dan mendatangkan kezaliman.

Persidangan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-7 pada tahun 1973 pula telah membuat keputusan bahawa

Kerajaan Negeri dinasihatkan membuat pindaan yang sesuai kepada undang-undang supaya harta peninggalan si mati hendaklah difaraidkan dan tidak boleh diambil oleh orang yang dinamakan.

Pada 1978 pula Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-15 memutuskan bahawa orang Islam tidak boleh melantik *nominee* kerana mengikut definisi undang-undang sivil ia bertentangan dengan hukum Syarak dan tidak sah. Undang-undang tersebut hendaklah dipinda supaya penamaan yang dibuat oleh orang Islam adalah tidak sah.

Pada 2001 Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan pula telah mengeluarkan fatwa bahawa orang Islam yang dinamakan sebagai penama oleh si mati dalam apa-apa skim simpanan wang dalam mana-mana Kumpulan Wang Simpanan, insurans, tabung, lembaga syarikat kerjasama koperasi atau institusi kewangan adalah wasi kepada si mati dan hendaklah membahagikan harta peninggalan si mati kepada waris yang berhak mengikut pembahagian faraid.

Malah Majlis Raja-Raja Melayu di dalam persidangan kali ke-117 pada 1980 telah memutuskan bahawa orang Islam tidak boleh membuat penamaan dan

Peguam Negara perlu menggubal undang-undang supaya orang beragama Islam tidak dibenarkan membuat penamaan.

Walaupun terdapat keputusan Majlis Raja-Raja serta Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang jelas menyatakan penamaan tersebut melanggar hukum Syarak dan pihak tertentu dikesak menggubal undang-undang menghalang orang Islam daripada membuat penamaan, tiada apa-apa tindakan ke arah itu telah dibuat.

Natijahnya, umat Islam terus dibelenggu keresahan dan amalan yang bertentangan dengan hukum Syarak ini masih berleluasa.

Mungkin sudah sampai masanya pihak kerajaan mengambil serius pandangan dan ketetapan yang telah lama dikeluarkan ini dengan segera memansuhkan mana-mana undang-undang penamaan bagi orang Islam.

Begitu juga mestilah diadakan mekanisme yang perlu bagi menghalang orang Islam membuat penamaan. Undang-undang legasi penjajah ini hendaklah disesuaikan dengan adat dan kehidupan masyarakat tempatan khususnya orang Islam.

Islam bukan sekadar ritual harian tetapi merupakan suatu cara hidup yang lengkap bagi penganutnya.

Di dalam Islam orang yang dinamakan itu hendaklah bertindak sebagai wasi kepada harta yang diterimanya itu. Wasi

adalah pentadbir atau pemegang amanah yang menjaga harta bagi pihak ahli waris dan hendaklah mengagihkan harta tersebut kepada ahli waris secepat mungkin jika tiada apa-apa halangan wujud bagi mengagihkannya.

Oleh yang demikian amalan penamaan bagi orang Islam hanya menjemput kekeliruan serta mendatangkan polemik yang lebih besar kepada umat Islam walaupun tujuan sebenarnya ialah untuk mempercepatkan pengeluaran wang tanpa perlu proses pembahagian harta pusaka disempurnakan.


Sudah sampai waktunya tindakan proaktif diambil sejajar dengan ketetapan Jawatankuasa Fatwa serta keputusan Majlis Raja Raja diikuti bagi mengelakkan ahli waris dianiaya dan dizalimi daripada menikmati harta peninggalan si mati berdasarkan hukum Syarak.

Memansuhkan amalan penamaan bagi orang Islam ini akan dapat lebih mendekatkan orang Islam kepada undang-undang Islam. Malah semua panel forum yang dinyatakan di atas juga bersetuju penamaan ini dimansuhkan bagi orang Islam.

- PENULIS ialah Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia (PPMM) dan boleh dihubungi melalui e-mel di zainul.rijal@abubakar.my atau faksimili ke 03-8025 9495



Headline	Mansuh amalan penamaan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	19	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	682 cm ²
Journalist	DATUK ZAINUL RIJAL ABU BAKAR	AdValue	RM 13,603
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,809



PENAMAAN bagi orang Islam bercangah dengan hukum Syarak.- Gambar hiasan